

Sedia sokong Dr. M ikut situasi

UM - 6/3/2019 m/s: 3

KUALA LUMPUR 5 Mac - UMNO sedia menyokong Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad demi kebaikan tanah air dan manfaat rakyat.

Walau bagaimanapun, Timbalan Presiden UMNO yang menjalankan tugas-tugas Presiden parti, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, sokongan itu bergantung kepada situasi.

“Saya tidak boleh cakap, tapi bergantung situasi kalau diperlukan demi untuk kebaikan

kenapa tidak?

“Itu yang saya katakan tadi kaukus pembangkang tidak bermakna kita akan membangkang, sebaliknya kita akan sokong apa sahaja polisi awam atau dasar-dasar yang hendak diluluskan untuk kebaikan masyarakat dan tanah air,” katanya dalam sidang akhbar di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas pendirian UMNO sama ada akan bertindak sama seperti Pas iaitu menyokong Dr. Mahathir jika

terdapat undi tidak percaya sebagai Perdana Menteri.

Pas sebelum ini menegaskan akan mengotakan janji memberi sokongan kepada Dr. Mahathir sekiranya undi tidak percaya terhadap Perdana Menteri itu benar-benar berlaku, berdasarkan pertemuan pucuk pimpinan Pas diketuai Presidennya, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dengan Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) pada 15 Februari lalu.